

# Asean bukan sekadar rakan diplomatik AS

## Perdana Menteri gariskan 11 langkah tingkat hubungan

**Daripada Hishamuddin Aun**

**N**EW YORK: Asean menuntut agar Amerika Syarikat tidak hanya menjadi rakan diplomatik yang penting, malah memperingkatkan kerjasama sedia ada meliputi bidang ekonomi dan Pembangunan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata negara kuasa besar itu ketika ini hanya memberi keutamaan kepada Asean sebagai rakan strategik untuk tujuan politik dan keselamatan serantau.

"Satu-satunya titik pertemuan di antara kedua-dua pihak ialah pengiktirafan masing-masing terhadap keperluan hubungan dalam konteks keselamatan, diplomasi dan kemakmuran serantau," katanya dalam ucapan bertajuk 'Mewujudkan Persefahaman Lebih Baik Dalam Hubungan Asean-AS' anjuran Asia Society di sini, semalam.

Ketika ini, AS adalah rakan dagang terbesar Asean. Sepanjang 2004, jumlah perdagangan Asean dengan AS ialah AS\$128 bilion - peningkatan 15 peratus daripada AS\$111.3 bilion pada tahun sebelumnya.

Sebaliknya, AS adalah antara pelabur asing terbesar di Asean dengan pelaburan berjumlah AS\$35.7 bilion di antara 1995 dan 2003.

Abdullah yang mempengerusikan badan serantau itu berkata, Dialog Asean-AS masih berdepan masalah di sebalik usia 28 tahunnya kerana harapan dan jangkaan masing-masing yang tidak berpadanan.

"Adalah jelas kedua-dua pihak perlu bekerja keras untuk menghindarkan buruan persepsi bahawa dalam proses dialog yang diadakan, agendanya lebih ditentukan AS daripada agenda yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Persepsi ini tidak harus dibenar berterusan. Untuk mengubahnya, semua ikhtiar hendaklah diambil untuk menyuntik unsur ekonomi dalam hubungan di antara Asean sebagai sebuah kumpulan dan AS sebagai rakan dialog," katanya.

Lebih daripada itu, katanya, AS



**SERIOUS:** Abdullah berbincang dengan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf pada pertemuan dua hala di Ibu Pejabat PBB, New York, semalam.

*Adalah jelas kedua-dua pihak perlu bekerja keras menghindarkan buruan persepsi bahawa dalam proses dialog yang diadakan, agendanya lebih ditentukan AS daripada agenda yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

selain perlu lebih banyak mendengar kehendak dan kebimbangan Asean, harus juga sedia memahami cara badan serantau itu melaksanakan urusannya yang kadangkala dilihat lembap.

"Biar saya huraikan apa yang dimaksudkan dengan Asean way' (cara Asean). Pertama, AS harus akur dengan kepelbagaian budaya negara Asean selain berada pada tahap ekonomi, sosial dan politik yang berbeza-beza.

"Asean juga sentiasa mengamalkan pendekatan setapak demi setapak pada kelajuan yang dirasakan selesa buat semua kerana berpegang kepada nilai asas dan pegangan yang serupa.

"Nilai dan pegangan yang disebutkan ini mungkin sukar difahami tetapi kerana perkongsian inilah, Asean kekal kukuh, bersatu, relevan kepada rantaunya dan masih gagah melangkah sejak penubuhannya pada 1967," katanya.

### INFO

#### Antara langkah tingkat hubungan

- Galak persefahaman lebih baik terhadap cara Asean melaksanakan kerjasama serantau dan diplomasi.
- Samakan keutamaan Asean-AS.
- Berpegang kepada Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara.
- Meningkatkan kekerapan sesi dialog Asean-AS.
- Penekanan serupa terhadap semua sektor kerjasama.
- Tingkat kerjasama ekonomi AS-Asean termasuk perkenal Perjanjian Rangka Kerja Pelaburan dan Perdagangan
- Perluas Pelan Kerjasama Asean (ACP) meliputi lebih banyak pertukaran budaya dan penduduk.
- Menyumbang kepada Dana Pembangunan Asean (ADF) yang baru ditubuhkan.